

JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TENGAH

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUTHARGA: JLWT 14/2022

PEMBAIKAN KECIL PONTOON DI MARINA AWAM MELAKA UNTUK JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor - kontraktor **BERDAFTAR DI NEGERI MELAKA** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan mempunyai kod gred berikut:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB):
CIDB – Gred G1, Kategori : CE03 – Struktur Marin

2. **DIWAJIBKAN** menghadiri Taklimat Lawatan Tapak seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 25 April 2022 (Isnin)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Pejabat Marina Awam Melaka

Syarat Kehadiran :

- i. Hanya penama yang tercatat dalam sijil pendaftaran CIDB sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat & lawatan tapak dan seorang sahaja dibenarkan bagi setiap syarikat.
 - ii. Penyebut harga perlu membuat temujanji terlebih dahulu dengan menggunakan e-mel rasmi syarikat masing-masing untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak dengan menghubungi Cik Sharifah Afiqah binti Wan Abu Bakar (afiqah@marine.gov.my) atau Encik Mohamad Sahrin bin Rewan (sahrin@marine.gov.my) melalui e-mel selewat-lewatnya 22 April 2022.
 - iii. Permohonan syarikat hendaklah disertakan bersekali dengan salinan (dalam format*pdf/jpeg) sijil pendaftaran SSM dan CIDB yang disahkan.
 - iv. Pihak penyebutharga juga diminta mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN Fasa 4) dan telah lengkap 2 Dos Vaksin sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan bagi membendung penularan wabak Covid-19.
 - v. Penyebutharga adalah diwajibkan menjalankan ujian Antigen Rapid Test (Oral Fluid) dilokasi taklimat dan lawatan tapak dan keputusannya mestilah negatif pada tarikh tersebut. (Taklimat dan lawatan tapak adalah dengan menggunakan perbelanjaan sendiri termasuk Kit Ujian Kendiri Covid-19)
3. Dokumen Sebut Harga akan diberi secara percuma kepada penyebut harga yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di para 2 dan penyerahan dokumen adalah dua hari selepas taklimat dan lawatan tapak dijalankan.

TARIKH IKLAN 19.04.2022

**TARIKH TUTUP : 29.04.2022
JAM : 12.00 TENGAHARI**